

05 FEB 1998

Komanwel-Muhyiddin

KERAJAAN TETAPKAN KADAR SEWA BILIK HOTEL DALAM RINGGIT

Oleh: Zaiful Mohd Ariffin

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) -- Kerajaan hari ini menetapkan supaya kadar sewa bilik hotel untuk Sukan Komanwel di sini September ini dalam Ringgit Malaysia (RM) dan bukannya dolar Amerika Syarikat.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata mesyuarat Majlis Sukan Komanwel yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini juga memberi jaminan kadar sewa yang akan dikenakan nanti adalah munasabah dan berpatutan.

"Kita telah menerima laporan penuh daripada Sukom Ninety Eight Berhad (Sukom) mengenai kadar sewa bilik hotel yang akan dikenakan ketika berlangsungnya temasya sukan Kuala Lumpur '98 itu, dan setelah berbincang anggota majlis bersetuju untuk menetapkan bayaran sewa hotel itu dibuat dalam RM," katanya pada persidangan akhbar di pejabatnya di sini hari ini.

Kata Muhyiddin, langkah ini untuk mengelakkan peningkatan kadar sewa bilik hotel ketika sukan itu berlangsung berikutan kejatuhan nilai ringgit berbanding dolar Amerika.

Sebelum ini Penyelaras Projek Biro Penginapan Sukom '98 (SAB 98) John Eades berkata kadar sewa bilik hotel sempena Sukan Komanwel mungkin akan meningkat kerana ia dalam mata dolar Amerika, yang nilainya kini melambung naik berbanding RM.

Menurut Eades semua kontrak yang ditandatangani bersama hotel yang menawarkan bilik penginapan dua tahun lepas adalah dalam dolar Amerika.

Sebanyak 70 buah hotel terdapat dalam senarai SAB '98 yang menawarkan antara 8,000 hingga 9,000 buah bilik di Kuala Lumpur dan Langkawi dengan tarif di antara AS\$50 semalam.

Biro itu dikendalikan oleh Byrom Consultants Ltd dan bertanggungjawab menyediakan bilik-bilik untuk pengusaha pelancongan, penyiar, penaja, wakil Persekutuan Sukan Komanwel (CGF), media, VIP dan pegawai. Penginapan atlet dan pegawai pasukan dikendalikan oleh Sukom '98.

Mesyuarat yang turut dihadiri pengerusi eksekutif Sukom 98 Tan Sri Hashim Ali itu turut menyentuh mengenai penyediaan sistem pengangkutan awam yang dibimbangi akan menimbulkan masalah berikutan penarikan diri dua buah syarikat bas baru-baru ini.

"Jawatankuasa pengangkutan akan memastikan supaya semua sistem pengangkutan yang disediakan seperti sistem Laluan Transit Ringan (LRT), komuter dan monorel akan beroperasi mengikut jadual yang ditetapkan di samping penggunaan bas dan teksi," kata Muhyiddin.

Menurutnya jawatankuasa itu akan mengadakan rundingan dengan beberapa syarikat penerbangan bagi menentukan kadar yang munasabah kepada penduduk Sabah dan Sarawak yang ingin datang menyaksikan temasya sukan itu.

Sehubungan itu Perdana Menteri meminta supaya diadakan beberapa acara percubaan untuk menguji semua sistem yang akan digunakan ketika berlangsungnya Kuala Lumpur '98, agar tiada sebarang kecacatan yang akan membantutkan penganjuran sukan itu.

"Oleh itu kita berhasrat untuk mengadakan kejohanan pra-Komanwel bagi semua acara sukan secara serentak di Kompleks Sukan Bukit Jalil supaya dapat menguji kesemua sistem sama ada pengangkutan, trafik, sukarelawan, peralatan dan liputan," kata Muhyiddin.

Bagaimanapun, kementeriannya akan mengadakan perbincangan secara terperinci dengan semua persatuan sukan kebangsaan yang ingin mengadakan pertandingan pra-komanwel terlebih dahulu, sebelum mengambil sebarang keputusan.

Mengenai taraf pra-pertandingan itu, Muhyiddin berkata tujuan asal mengadakannya adalah untuk menguji kemudahan yang disediakan bagi temasya yang sebenar, maka sudah memadai sekiranya pertandingan itu diadakan bagi peringkat kebangsaan sahaja.

"Kita hanya nak menguji sistem kita, tidak semestinya kita perlu membawa atlit luar negara untuk beraksi di sini kerana ia pastinya melibatkan kos yang tinggi," katanya. -- BERNAMA

ZMA AHH